

27 JUL 1999

Mahathir-Media

MAHATHIR LAWAT PUSAT MEDIA LID

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Dalam usaha menjayakan perkongsian pintar antara kerajaan dan media, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan sedikit masa daripada jadualnya yang ketat pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) untuk melawat pusat media di Berjaya Beach and Spa Resort di sini hari ini.

Dr Mahathir tiba di pusat itu pukul 2.30 petang dan meluangkan masa selama 20 minit, bercampur-gaul dengan wartawan tempatan dan antarabangsa yang sedang sibuk menghantar berita ke pejabat masing-masing.

Beliau diiringi dan diberi taklimat mengenai operasi pusat media LID oleh Pengawah Urusan Serantau Asia Public Relations Consultants Sdn Berhad Kamaralzaman Tambu.

Dr Mahathir juga membaca sambil lalu sesetengah laporan wartawan di pusat itu termasuk laporan Bernama mengenai kenyataan Presiden Robert Mugabe mengenai kemungkinan Zimbabwe melaksanakan kawalan modal mengikut cara Malaysia untuk melindungi ekonominya daripada terjejas oleh kuasa pasaran luar.

Perdana Menteri memberi reaksi spontan dengan berkata Zimbabwe tidak perlu mengenakan kawalan memandangkan mata wangnya tidak boleh ditukar.

Ketika beberapa wartawan bersedia untuk meminta beliau menjelaskan lebih lanjut ulasannya itu, Dr Mahathir meninggalkan pusat itu selepas secara berseloroh berkata bahawa tuan rumah tidak menghidang minuman kepadanya.

Sebelum itu, ketika Perdana Menteri melangkah masuk ke pusat itu, seorang wartawan Bernama menunjukkan kepadanya lukisan kartun Lat yang disiarkan dalam New Straits Times hari ini yang ditampalkan pada papan kenyataan.

Lukisan Lat itu menunjukkan Dr Mahathir, dengan memegang mikrofon di belakang kamera mengucapkan "Selamat Petang!" kepada penonton, seolah-olah hendak memberi laporan terbaru sebagai wakil CNN di Asia Tenggara.

Dr Mahathir berkata beliau sudah melihat kartun itu, dan bertanya: "Tapi apa maknanya?"

"Maknanya Datuk Seri sudah mengambil alih peranan kami," jawab wartawan itu.

Dua hari lepas Dr Mahathir mengetuai sekumpulan pemimpin dari negara sedang membangun untuk mengemukakan soalan kepada wartawan, bukan sebaliknya, pada sesi khas antara ketua negara/kerajaan dengan wakil media pada dialog itu.

-- BERNAMA

ES RYN NMO